

## Ekspo perumahan tarik 10,000 pengunjung

**KUALA LUMPUR** – Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional telah berjaya menarik kira-kira 10,000 pengunjung dalam tempoh dua hari pengunjurannya yang berlangsung di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Ekspo hartanah terbesar itu yang berlangsung selama sembilan hari bermula kelmarin hingga 1 April ini dibuka kepada orang ramai bermula pada pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Menurut jurucakap Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA), jumlah tersebut dapat dicapai berikutan orang ramai mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk mengunjungi ekspo berkenaan.



**PENGUNJUNG** meneliti model sebuah projek PRIMA pada Ekspo Perumahan Edisi Nasional di PWTC, Kuala Lumpur semalam.



**RIDUAN**



**IWAN**

“Hari pertama pengunjuran ekspo hartanah ini menarik kira-kira 5,000 pengunjung.

“Sehingga tengah hari tadi (semalam), bilangan pengunjung mencecah kira-kira 2,500 orang dan ia meningkat menjelang 10 malam ini (semalam) hingga 10,000 pengunjung,” kata jurucakap berkenaan.

Sementara itu, seorang pengunjung Iwan Kiaman, 37, yang menetap di Kuala

Lipis, Pahang berkata, dia sanggup datang dari jauh untuk mengunjungi ekspo berkenaan untuk membeli kediaman yang bersesuaian.

“Saya sedang meneliti beberapa projek perumahan yang berdekatan dengan kampung asal di Kuala Lipis, Negeri Sembilan. Saya juga mengintai peluang untuk memohon pembelian unit PRIMA di Kuala Lipis,” katanya.

Penjawat awam, Riduan Juhari, 28, pula memberitahu, dia sedang mencari rumah pertama sama ada di Pahang atau Kuala Lumpur.

“Kepelbagaian lokasi projek perumahan yang dipamerkan pada ekspo ini memudahkan saya untuk membuat pilihan terbaik,” ujarnya.